

Kematian hampir angka 14,000, manakala 22,262 kes baharu dicatatkan

# Vaksin bukan 'lesen' bergerak bebas

*Kosmo 4 April 2021 10812021 MS 04*

Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

**PUTRAJAYA** - Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Nóor Hisham Abdullah mengingatkan individu yang sudah lengkap vaksinasi supaya tidak menyalahgunakan hak istimewa atau kelonggaran sekatan yang diberikan kerajaan.

Beliau berkata, sekiranya masyarakat leka, segala kerja keras dan keuntungan yang dicapai ketika ini akan disia-siakan.

Ujar beliau, jika rakyat tidak memanfaatkan kelonggaran yang diberi, berkemungkinan negara ini akan menghadapi satu lagi 'pertempuran' dengan Covid-19.

"Kita perlu ingat masih ada sebahagian daripada populasi di negara ini belum divaksin. Mereka ini mudah terkena jangkitan Covid-19.

"Kita perlu memastikan kadar transmisi serendah mungkin bagi mencegah penyebaran varian atau munculnya varian baharu," katanya menerusi hantaran di Facebook beliau semalam.

Ujarnya, bagi individu yang sudah menerima vaksin lengkap, perlu ada disiplin yang tinggi untuk tidak menyalahgunakan hak istimewa yang diberikan.



**ORANG ramai yang telah lengkap vaksinasi dinasihatkan mengurangkan pergerakan dan kekal patuh kepada SOP ditetapkan kerajaan. - GAMBAR HIASAN**

"Sekiranya anda disahkan positif Covid-19 atau menjadi kontak rapat kepada kes positif, pastikan menjalani pengasingan atau kuarantin dalam kadar segera supaya tidak mendedahkan orang lain kepada risiko jangkitan.

"Insya-Allah kita berusaha dan tawakal. Allah SWT Maha

Penyayang dan melindungi kita," katanya.

Dalam perkembangan berbeza, kes kematian akibat Covid-19 kini menghampiri angka 14,000 kes selepas 233 lagi pesakit dilaporkan meninggal dunia semalam.

Katanya, terdapat 233 kematian dilaporkan semalam selain

1,062 pesakit masih menerima rawatan di unit rawatan rapi termasuk 518 memerlukan bantuan pernafasan.

"Sebanyak 22,262 kes baharu dilaporkan semalam menjadikan jumlah kes positif Covid-19 sebanyak 1,535,286 kes.

"Selangor merekodkan 7,011

## COVID-19

**Angka terkini kes Covid-19 di Malaysia sehingga semalam**

	Jumlah
Kes baharu	22,262
Import:	40
Tempatan:	22,222
Pulih	18,576

- Kematian 223
- Masih dirawat 260,880
- Jumlah kes sembuh 1,260,470
- Jumlah Kematian 13,936

**Jumlah kes keseluruhan 1,535,286**

kes, diikuti Sabah (2,651 kes) dan Sarawak (1,964 kes)," katanya.

Negeri-negeri yang mencatatkan kes empat angka adalah Kedah (1,880 kes), Johor (1,558 kes), Pulau Pinang (1,459 kes), Kuala Lumpur (1,220 kes) dan Kelantan (1,039 kes).

Selain itu, terdapat 38 kluster baharu dikesan dengan 22 daripadanya adalah kluster tempat kerja.